

HUSUNGI SKUAD KUALA LANGAT - SEPANG
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-8680920/019-3371066

KUALA LANGAT . SEPANG

Cakna keperluan Orang Asli

Jakoa komited utamakan hak kesamarataan dalam membantu tingkat taraf hidup masyarakat itu

BUKIT CHANGGANG - Kemudahan asas termasuk air dan elektrik untuk Orang Asli di kawasan pedalaman akan terus diberikan perhatian utama oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dalam membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Pengarah Jakoa Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, Norliza Mohammad Basiron berkata, beliau tidak menafikan kesemua kawasan masyarakat Orang Asli di Selangor mendapat manfaat kemudahan itu.

Bagaimanapun menurutnya, jika ada kawasan yang masih tidak mendapat kemudahan berkenaan berikutan kawasan itu terletak di kawasan yang agak jauh.

"Kami kini sedang berurusan dengan pihak-pihak terlibat dalam membantu



Pegawai Kemas Daerah Kuala Langat, Harun Hashim turut hadir menerima cenderamata daripada Norliza.

menyelesaikan masalah berkenaan dan ia dilakukan secara berperingkat.

"Keselesaan mereka kami utamakan dan kami mahu mereka dapat perhatian sama rata dengan masyarakat lain walaupun tinggal di pedalaman, kami tak mahu mereka ketinggalan dalam apa jua bentuk pem-

angunan," katanya kepada *Sinar Harian* selepas Program Moh Ngeteh Sambutan Hari Merdeka di Perkampungan Orang Asli Bukit Tadam, Kuala Langat semalam.

Dalam pada itu, katanya, beliau kagum dengan sikap keterbukaan yang ditunjukkan masyarakat itu kini.



Norliza beramah mesra bersama sebahagian masyarakat Orang Asli Bukit Tadam, semalam.

"Sikap itu bantu mereka berani ceburkan diri dalam apa juga pekerjaan yang sebelum ini jarang dilihat.

"Pihak kami sendiri nampak mereka bukan hanya bergantung kepada sektor pertanian tetapi berani dalam

menyahut segala tugas dan pekerjaan berbanding sebelum ini.

"Mereka kini dilihat sudah berada di sektor kerajaan, swasta, bekerja sendiri, usahawan dan ada di antara anak Orang Asli yang cipta nama dalam su-

kan permotoran," katanya.

Dalam program itu, Norliza sempat beramah mesra bersama penduduk setempat dan pegawai serta kakitangan di setiap agensi kerajaan di daerah Kuala Langat.

Galak aktif anjur aktiviti berbasikal



Ahmad Yunus (kiri) ketika turut serta dalam Program Fun Ride Kayuhan Ambang Merdeka di Kampung Sijangkang.

SIJANGKANG - Mana-mana kelab basikal di daerah ini diharapkan terus aktif menganjurkan pelbagai aktiviti dalam usaha menyemarakkan lagi aktiviti riadah di kawasan itu.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Haiiri berkata, ia satu usaha untuk membudayakan gaya hidup sihat dan membina ikatan persahabatan dalam kalangan penggemar aktiviti berbasikal.

"Saya percaya sukan berkenaan memberi impak positif kepada belia...sayang jika golongan itu masih leka buat aktiviti tak berfaedah sedangkan aktiviti ini banyak manfaatnya.

"Saya harap program seperti ini dapat diadakan selalu," katanya dalam Program Fun Ride Kayuhan Ambang Merdeka di Kampung Sijangkang.

Ahmad Yunus berkata, beliau turut menggalakkan semua pihak dapat bersama-sama menjayakan agenda Selangor untuk mengekalkan masyarakat sihat dan produktif.

Dalam pada itu, beliau turut melancarkan Kelab Alternatif Cycling Club (ACC Kuala Langat) yang diterajui oleh Rosli Yaakob.

Ahmad Yunus turut sama berkayuh sehingga ke Istana Bandar sebelum ke Program Pecah Tanah SRITIS Sijangkang, kelmarin.

DIARI

Salam Kemerdekaan Merdekarobik - Hari Keluarga 1 Malaysia Parlimen Kuala Langat
Tarikh : 31 Ogos 2016
Jam : 8 pagi
Tempat : Dewan IKN Kuala Langat
Dirasmikan: Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli
Artis Jemputan : Khalifah

Karnival Jelajah GEMS
Tarikh : 3-4 September 2016
Tempat : Dataran Pantai Morib
Anjuran : Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan, Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor.
Aktiviti : Forum Perdana, Fun Walk Cegah Dadah, pertandingan motosikal klasik dan pelbagai lagi.



KLik pilihan

SUKAN MERDEKA Adun Dengkil, Shahrudin Mohd Sharif turut memeriahkan Kejohanan Sukan Merdeka Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Changgang bersama komuniti yang berlangsung di sekolah berkenaan, kelmarin.